

09 JUL 2003

Multaqa-Sekretariat

MALAYSIA AKAN CADANGKAN PENUBUHAN SEKRETARIAT TETAP ULAMA SEDUNIA

Oleh: Luqman Haziq Abdullah

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Malaysia, yang menganjurkan Multaqa Ulama Sedunia di sini bermula esok, akan mencadangkan penubuhan Sekretariat Tetap multaqa itu untuk menyelaras pelbagai aktivitinya pada masa akan datang.

Pengerusi Pelaksana Jawatankuasa Multaqa Ulama Sedunia Datuk Mohamed Nakhaie Ahmad berkata sekretariat tetap itu akan memudahkan urusan penganjuran termasuk multaqa tahunan, seminar dan bengkel ulama sedunia.

"Ia juga boleh menjadi badan yang menyelaraskan kefahaman umat Islam supaya Islam difahami mengikut ajaran sebenar," katanya ketika ditemui di Hotel Marriot Putrajaya, venue persidangan Multaqa Ulama Sedunia, di sini hari ini.

Beliau berkata sekretariat tetap itu juga akan menjadi landasan terbaik bagi ulama berbincang secara mendalam mengenai isu-isu melibatkan umat Islam serta menghalang ulama daripada membuat tafsiran individu yang bercanggah mengenai Islam.

Semasa ditanya sama ada multaqa pertama itu akan dijadikan acara tahunan, Mohamed Nakhaie yang juga Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), berkata perkara itu akan diteliti apabila cadangan sekretariat tetap itu ditubuhkan.

Menurutnya multaqa itu akan menekankan bagaimana negara-negara Islam menjalankan pengurusan ekonomi dan sumber asli dengan sebaik mungkin.

Mohamed Nakhaie berkata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed akan membentangkan kertas kerja mengenai pengurusan ekonomi negara manakala Pengerusi Petronas Tan Sri Hassan Merican membentangkan kertas kerja mengenai pengurusan sumber asli khususnya minyak.

"Kita berharap dapat menonjolkan Malaysia sebagai model kepada negara-negara Islam lain dalam pengurusan ekonomi dan sumber asli dalam menghadapi cabaran globalisasi," katanya.

Beliau berkata tumpuan juga akan diberikan kepada pembentangan kertas kerja yang berkaitan dengan pendirian Islam mengenai golongan ekstremis dan arah tuju umat Islam selepas peperangan di Iraq.

Malaysia berharap Multaqa itu akan menjadi landasan terbaik kepada para ulama dalam membincangkan isu-isu berkaitan umat Islam, katanya.

Seramai 840 ulama, cendekiawan dan ahli pemikir Islam dari 33 negara akan menghadiri persidangan tiga hari anjuran Jabatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan multaqa itu esok, yang akan disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Tetamu kehormat multaqa itu, Imam Besar Al-Azhar Dr Mohammad Sayed Tantawi akan menyampaikan ucap tawazun "Beragama Yang Sebenar Dalam Era Globalisasi".

-- BERNAMA  
APG MAM NAK